CIRI LEKSIKAL DIALEK KANAQ

Dr. Mohd Sharifudin Yusop
Unit Kecemerlangan Warisan Bangsa
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
msharif@fbmk.upm.edu.my

Abstrak

Nama rasmi yang digunakan Jabatan Kemajuan Orang Asli - JAKOA bagi suku kaum Asli ini ialah orang Kanaq. Hunt (1952) menggunakan ejaan *Oragn Kanaq* secara konsisten. Carey (1976) pula menggunakan istilah *orang Kanak*, manakala Omar Abdul (1978) menggunakan istilah *Kanaq* [kanaq]. Selain itu Sopher (1965) menggunakan istilah 'Sekanak' bagi merujuk satu suku Laut yang tinggal di Kepulauan Riau. Kajian yang dijalankan secara etnografi ini bertujuan mendokumentasi dialek Kanaq (DK) dan menjelaskan ciri leksikalnya. Kaedah-kaedah pemerhatian, temubual, rakaman, dan soal selidik digunakan untuk mendapatkan data leksikal mereka. Kajian ini penting kerana DK tidak pernah didokumentasi sebelum ini dan berdasarkan bilangan penutur seramai 82 sahaja, status dialek ini amat kritikal. Hasil kajian mendapati bahawa DK adalah variasi bahasa Melayu (BM) dan kini, pengaruh bahasa Melayu standard yang semakin menular itu telah menyebabkan kosa kata DK menjadi arkaik dan mengalami pengusangan.

Kata Kunci: suku Kanaq, orang Laut, dialek Kanaq, ciri fonetik, ciri leksikal.

Abstract

Officially, Department of Orang Asli Development – JAKOA labeled this Asli tribe as orang Kanaq. Hunt (1952) consistently spelled them as oragn Kanaq. Carey (1976) used the term orang Kanak, while Omar Abdul (1978) named them Kanaq. Otherwise, Sopher (1965) used the term Sekanak referring to one seafarer tribe whom inhabited Riau archipelago. This ethnography study attempted to document the Kanaq dialect and to describe its lexical features. Methods including observation, interview, recording, and questionnaire were used to collect their lexical data. It is an important study because Kanaq dialect has never before been documented and due to 82 native's speakers left, the dialect is at a very critical stage. Study findings shows that the dialect is a variation of standard Malay and now the influenced of the later is growing, thus causing the vocabulary turned archaic and obsolescent.

***Key words**: Kanaq tribe, seafarer, Kanaq dialect, phonetic feature, lexical features.*

Pendahulan

Dari segi sebutan orang Kanaq sendiri, perkataan 'Kanaq' itu seharusnya dibunyikan sebagai [qanaq] dan bukannya [kanaq]. Walau bagaimanapun, menurut beberapa informan kajian ini, perkataan Kanaq itu tidak membawa sebarang makna selain hanya merujuk nama suku kaum mereka. Berdasarkan catatan Sopher (1965:55-66), adalah diyakini bahawa suku orang Laut Sekanak adalah nenek moyang suku Kanaq yang ditemui di Kota Tinggi, Johor. Sumber lisan orang Kanaq menyebutkan mereka berasal dari Riau dan berhijrah ke selatan Semenanjung Tanah Melayu kira-kira dua ratus tahun dahulu (Omar, 1976:3-9). Walau bagaimanapun, sumber-sumber tersebut gagal memberikan gambaran yang lebih tepat tentang kedudukan tempat asal yang sebenar. Secara konsisten beberapa informan warga emas menyatakan bahawa Riau yang dimaksudkan ialah Kepulauan Riau seperti yang disebut oleh datuk-nenek mereka. Malah salah seorang daripada mereka, masih mengingati sebuah lagu yang sering

didendangkan oleh mendiang ibunya. Senikatanya menggambarkan suku kaum ini berasal dari sebuah pulau yang dikelilingi lautan luas. Mereka menyeberang lautan yang berarus deras dan kadang kala berombak setinggi gunung untuk mengadu untung nasib dan akhirnya tidak pulang semula ke pulau asal mereka. Sebaliknya mereka menetap di tempat baru yang mereka terokai itu.

[pɔgi kɔ pulaŋ ŋawaʔ]
(pergi tak balik membawa)
[ŋəndɔʔ ŋtokaŋ ntoŋə]
(hendak mencuba untung)
[nuɣon aɣoʔ əmbəgəʲi gunoŋ]
(menuruni arus bagai gunung)
[məɣəntaŋ aɣoʔ əmbəgəʲi gunoŋ]
(merentang arus bagai gunung)
[ŋəbəmandaŋ gədəŋ mumaŋ ntoŋə]
(melihat besar mengadu untung)
[jədi kaʷom səbəɣaŋ aɣoʔ əmbəgəʲi gunoŋ]
(jadi kaum seberang arus bagai gunung)

Kampung Sungai Selangi

Kampung Sungai Selangi (seterusnya KSS) ialah satu-satunya petempatan orang Kanaq sehingga kini. Kampung ini terletak kira-kira 25 kilometer dari bandar Kota Tinggi dan 15 kilometer dari Tanjung Sedili. Jarak kampung dari jalan besar yang menghubungkan kedua-dua tempat itu ialah kira-kira 1 kilometer sahaja tetapi terlindung oleh ladang kelapa sawit dan bukit. Kedudukan kampung yang agak terpisah dari kampung terdekat, iaitu kira-kira 5 kilometer dirasakan oleh orang Kanaq sebagai petempatan yang paling sesuai buat mereka.

Menurut Laporan Maklumat Asas Kampung - LMAK (JHEOA 2004), bilangan penduduk KSS adalah seramai 86 orang termasuk 3 lelaki bukan keturunan Kanaq yang berkahwin dengan gadis daripada suku tersebut. Bilangan ini menunjukkan peningkatan ketara berbanding bancian pada 1974 (36 orang) dan 1990 (37 orang) (JHEOA Malaysia, 1990). Hal ini menurut beberapa informan adalah kerana bilangan kematian menurun dan kelahiran bertambah akibat tahap kesihatan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, kerana mengamalkan perkahwinan sesama kaum dan tidak menggalakkan perkahwinan dengan kaum lain, bilangan ini agak statik sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bilangan terkini keturunan Kanaq berdasarkan kajian ini adalah seramai 82 orang sahaja.

Ciri-ciri Bahasa Kanaq di KSS

Dengan hanya tinggal 82 orang sahaja keturunan suku kaum Kanaq di KSS, dan dengan mengambil kira tiada lagi keturunan suku ini yang tinggal di Kepulauan Riau (Sopher, 1965:100), DK telah memasuki tahap keusangannya (berasaskan *Unesco Red*

Book Report, 1993). Seandainya berlaku sesuatu musibah seperti yang pernah berlaku pada peringkat awal penghijrahan mereka, iaitu banjir atau serangan wabak penyakit, bilangan seramai itu sahajalah yang akan menghadapinya. Namun demikian, dengan mengambil kira pula rekod bancian yang memperlihatkan peningkatan bilangan mereka dari tahun 1974, 1990 dan terkini tahun 2011 ini, masih ada harapan bagi DK untuk bertahan buat beberapa lama lagi. Malahan pengkaji yakin jangka hayat DK akan lebih panjang jika melihat kepada penggunaannya yang masih meluas daripada kalangan generasi tua hinggalah kepada generasi muda. Keyakinan ini juga bersandarkan angkubah-angkubah sosial yang dapat mempengaruhi status hayat DK.

DK tidak pernah didokumentasikan secara komprehensif. Hanya terdapat satu dokumen yang memperkenalkan perkataan-perkataan DK secara sepintas lalu dan terlalu umum, iaitu tulisan Omar (1978:76-78) yang menyenaraikan 26 kata sapaan yang digunakan oleh suku kaum ini. Kebanyakan perkataan yang dikemukakan itu pula adalah variasi BM dengan cara sebutan yang berbeza sedikit. Misalnya, dari senarai JHEOA terdapat perkataan [bəpay] yang bermaksud 'bapa', [qaqayo] bermaksud 'kakak' dan [mənətu] bermaksud 'menantu'. Perkataan-perkataan yang berbeza berbanding kata-kata BM ialah seperti [musaʔ] bermaksud 'tidak ada' dan [koyoʔ] bermaksud 'anjing'. Daripada senarai Omar pula diperlihatkan istilah-istilah kekerabatan yang disebut secara berbeza sedikit berbanding BM seperti [pupuʷaʔ] bermaksud 'sepupu', [cucuʷaʔ] bermaksud 'cucu' dan [məntuʷaʔ] bermaksud 'mentua'.

DK tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia. Daripada pengamatan dan penelitian yang dibuat terhadap suku kaum ini di KSS, perkataan-perkataan yang mereka gunakan tidak banyak berbeza dengan BM. Perbezaan ketara ialah dari segi cara sebutan yang agak cepat dan keras. Adakalanya pengkaji berasa seperti diherdik terutama jika cuba mendesak informan supaya membunyikan satu-satu perkataan itu dengan lebih jelas lagi. Banyak sesi penelitian yang singkat dibuat secara berulang-ulang terutamanya untuk merakamkan cara sebutan yang lebih jelas dan tepat kerana informan cepat jemu dan tidak selesa didesak. Selalunya sesi sedemikian hanya bertahan selama kira-kira 10 hingga 15 minit. Setelah menunjukkan reaksi bosan, pengkaji perlu mengubah tajuk dan bertukar latar perbualan beberapa kali. Malah ada beberapa sesi pertemuan yang tidak menghasilkan sebarang bahan rakaman data kerana informan terlebih dahulu menunjukkan reaksi tidak mahu ditemu bual. Walau bagaimanapun setelah menempuh cabaran-cabaran itu, pengkaji akhirnya dapat mengutip data-data leksikal DK dan dipaparkan seperti yang seterusnya.

Daftar Leksikal DK

Bahagian ini menampilkan senarai perkataan DK dengan padanannya dalam BM. Kosa kata yang dipilih ialah yang tidak terdapat dalam BM atau yang tidak biasa digunakan dalam BM. Selain itu kata-kata BM yang disebut secara berlainan dalam DK juga disenaraikan. Setiap kata diberikan padanannya dalam BM dan ditampilkan dalam bentuk transliterasi fonetik. Sumber data ialah tiga informan tertua dan penyebutan perkataan dirakam secara audio. Senarai perkataan disusun mengikut turutan abjad.

Jadual 1 Daftar Leksikal Dialek Kanaq

Bil.	DK	BM
1	[adiʲoʔ]	adik lelaki
2	[ae komeh]	air kencing
3	[agəs]	agas
4	[akal]	akar
5	[amay]	emak saudara
6	[ambə]	aku
7	[anaʔ buwə]	anak saudara
8	[anaʔ təliŋaʔ]	anak telinga
9	[anaqaʔ]	budak
10	[anaʔ bolegaʔ]	bayi
11	[antuʔ]	jari hantu
12	[asapiʲaʔ]	mengasap (kemenyan)
13	[ayaʔ naŋes]	menangis
14	[bataŋ iduŋa]	batang hidung
15	[bawaq]	pandu
16	[bəbapə]	katak
17	[bəbəleʔ] [pulaq]	balik
18	[bədaʔ]	badak
19	[bədiɣiʔ]	berdiri
20	[bəjəlan]	berjalan
21	[bəjuʔ]	baju
22	[bəkəyoh]	berkayuh
23	[bəlawan]	bergaduh
24	[bələlaŋ]	belalang
25	[bəmbən]	bemban
26	[bənaŋ]	menang
27	[bəɲaq]	banyak
28	[bəpay]	ayah
29	[beɣaq]	buang air besar
30	[bəɣənaŋ	berenang
31	[bəɣiʲaʔ]	memberi
32	[bəsoh]	basuh
33	[bəɣenda]	beranda
34	[bəsəɣ]	besar
35	[bətaŋ]	batang
36	[bətaŋ ubi]	batang ubi
37	[bətoʔoʔ]	batuk
38	[bətu]	batu

39	[bətu kaɣaŋ]	batu karang
40	[bəwah]	bawah
41	[biniyaʔ]	isteri
42	[bisə]	sakit
43	[bisə atiʔ]	sakit jantung
44	[bisə dədə]	sakit dada
45	[bisə gigi]	sakit gigi
46	[bisə piŋgaŋ]	sakit pinggang
47	[bisə təliŋə]	sakit telinga
48	[blajɔ]	belajar
49	[boyaʔ]	buaya
50	[boyoŋaʔ]	bahu
51	[bubuh]	simpan
52	[bukəʔ pintu]	muka pintu
53	[bulən]	bulan
54	[bulu dədə]	bulu dada
55	[bulu iduŋa]	bulu hidung
56	[bulu loŋaŋaʔ]	bulu roma
57	[bulu mataʔaʔ]	kening
58	[bulu tetiayakaʔ]	bulu ketiak
59	[buqəʔ]	buka
60	[buɣuq]	buruk
61	[cəkoko]	tekukur
62	[cəmpədaq]	cempedak
63	[cokit]	cubit
64	[cupiŋ təliŋaʔ]	cuping telinga
65	[cuɣʲaʔ]	curi
66	[dədə]	dada
67	[dəgoʔ]	babi
68	[dəguʔ]	dagu
69	[dəhən]	dahan
70	[dəʲi]	dahi
71	[dəŋkuwaŋ]	mengkuang
72	[dəpoɣaʔ]	dapur
73	[dəɣah]	darah
74	[dəɣah koto]	darah haid
75	[dəwon]	daun
76	[dəwon ubi]	daun ubi
77	[dəwon pintu]	daun pintu
78	[dəwon tiŋkap]	daun tingkap
79	[di]	dia
80	[dikou]	awak

81	[duduqoq]	duduk
82	[duɣi]	duri
83	[duɣin]	durian
84	[ənaq]	hendak
85	[gəjoboŋ]	kecubung
86	[gəmoq]	gemuk
87	[gəɣanə]	gerhana
88	[gəɣu]	gaharu
89	[gəwoŋ]	gaung
90	[ibu jəɣi]	ibu jari
91	[iduŋa]	hidung
92	[ikət]	ikat
93	[ipaɣ]	ipar
94	[jawaptaʔ]	menjawap
95	[jəgoŋ]	jagung
96	[jəmbaŋ]	jambang
97	[jəndə]	janda, duda
98	[jəŋut]	janggut
99	[jəɣi]	jari
100	[jəɣeŋ]	jering, kerdas
101	[jəwoh]	jauh
102	[kalaʔ]	kala jengking
103	[kasawaʔ]	kekuda
104	[kayaq]	kaya
105	[koɣa]	kera
106	[koyoʔ]	anjing
107	[kameka]	mereka
108	[kakayaʔ]	abang
109	[kəkiyon]	terseliuh
110	[kəkuɣaʔ]	kura-kura
111	[kəpalaʔa]	kepala
112	[kəpala tutaʔ]	lutut
113	[kəɣobeʲo]	kerbau
114	[kitaʔ]	kita
115	[klokeŋ]	belatuk
116	[koceq]	kecil
117	[kodes]	kudis
118	[kolat]	kelat
119	[kombaŋ]	kembang
120	[kombun]	embun
121	[koɣəjəʔ]	kerja

122	[kulet mataʔaʔ]	kelopak mata
123	[kuɣaŋ]	kurang
124	[kuɣus]	kurus
125	[kuwalaʔ]	kuala
126	[ladəʔ]	cabai
127	[lakiyaʔ]	suami
128	[layuʔ]	layu
129	[le]	leher
130	[ləbəh]	lebah
131	[ləpan]	lapan
132	[lidəh]	lidah
133	[lidəh təmoloʔ]	anak tekak
134	[lintaɣ]	guruh
135	[liʲaŋ iduŋa]	lubang hidung
136	[liʲaŋ təliŋaʔ]	lubang telinga
137	[lobəh]	lebah
138	[lobih]	lebih
139	[lolah]	nafas
140	[lombəʔ]	lurah
141	[lombu]	lembu
142	[lompaʔ]	cerun
143	[lompat]	lari
144	[lompataʔ]	lompat
145	[lumpu]	lumpur
146	[loŋaŋnaʔ]	lengan
147	[loqeq]	lokek
148	[lusaʔ]	lusa
149	[maŋges]	manggis
150	[mamaʔ]	ayah saudara
151	[masoq]	masuk
152	[masoken]	miskin
153	[mataʔaʔ]	mata
154	[mataʔaɣi]	matahari
155	[mataeI]	mencari
156	[maɣah]	marah
157	[məcaŋ]	bacang
158	[məmbəɣaŋ]	memerang
160	[mənətu]	menantu
161	[məɣuwah]	kemaluan perempuan
162	[milaŋ]	bilang
163	[moleq]	cantik

164	[mosem]	musim
165	[moɲot]	puting susu
166	[moyaŋo]	moyang perempuan
167	[mukaʔ]	muka
168	[munow]	bunuh
169	[muɣah]	murah
170	[musaʔ]	rembia
171	[musaʔ]	kutu tanah
172	[mutah]	muntah
173	[muyeʔ]	cium
174	[naju]	memancing
175	[nanamaʔ]	nanam
176	[naŋqaq]	nangka
177	[naɣeʔqak]	menari
178	[nembaq]	menembak
179	[neneʔ]	gajah
180	[neneŋ]	datuk
181	[neneŋo]	moyang lelaki
182	[nuɣon]	turun
183	[ŋelay]	ketawa
184	[ŋəɣaŋ]	mengerang
185	[ŋiget]	menggigit
186	[ŋiɣes]	memotong
187	[ŋolaʔ]	meminjam
188	[ŋonaleʔ]	melihat
189	[ŋondəp]	mengendap
190	[ŋopak]	mengunyah
191	[ŋoɣat]	mengerat
192	[ɲəɣon]	rama-rama
193	[ɲioɣ]	kelapa
194	[ɲontik]	menjentik
195	[ɲosak]	membasuh (kain)
196	[olaŋ]	helang
197	[omaʔ]	emak
198	[ompat]	empat
199	[onam]	enam
200	[oɣeh mataʔaʔ]	biji mata
201	[oɣoŋ] [moh]	mari
202	[paku pəɣaq]	pucuk paku
203	[pahaʔ]	paha

204	[panəs]	panas
205	[pəleɣ]	pelir
206	[podəs]	pedas
207	[podih amat]	sedih
208	[pokaʔ]	pekak
209	[ponat]	penat
210	[poneŋ]	sakit kepala
211	[poɣu]	puru
212	[potaŋ]	petang
213	[pote]	petir
214	[pucuq]	pucuk
215	[pucuq ubi]	pucuk ubi
216	[pujalacaʔ]	dubur
217	[pulas]	pulasan
218	[punduʔ]	pondok
219	[puŋuʔ]	pungguk
220	[pupuɲaʔ]	sepupu
221	[qaqayo]	kakak
222	[qayu]	pokok
223	[ɣambutən]	rambutan
224	[ɣambəʲ]	rambai
225	[ɣantiŋaʔ]	ranting
226	[ɣawut]	rotan
227	[ɣisaw]	risau
228	[ɣobuŋ]	rebung
229	[ɣobus]	rebus
230	[ɣodoqaʔ]	rodok
231	[ɣumah] [umah]	rumah
232	[ɣumpot]	rumput
233	[ɣuwaŋ tamu]	ruang tamu
234	[saŋap]	menguap
235	[satoʔ]	satu
236	[səbələs]	sebelas
237	[səkədudoʔ]	senduduk
238	[səmaluʔ]	semalu
239	[səmilən]	sembilan
240	[səpuloh]	sepuluh
241	[səɣatus]	seratus
242	[səɣibu]	seribu
243	[səɣibu satoʔ]	seribu satu
244	[səɣinit]	serindit

245	[sətoŋah]	setengah
246	[siɣih]	sirih
247	[sojoq]	sejuk
248	[somot]	semut
249	[sonjə]	senja
250	[soŋat mənətaŋ]	sengat binatang
251	[subuɣ]	subur
252	[sukaʔ amat]	suka
253	[sumaʔaʔ]	hingus
254	[tapaŋ]	ketapang
255	[tawoŋ]	ribut
256	[təliŋu]	telinga
257	[təmakaw]	tembakau
258	[təndawan]	cendawan
259	[təŋəloŋ]	musang
260	[teteʔ]	ketuat
261	[tətiʲakaʔ]	ketiak, tahi lalat
262	[tikam]	buang
263	[tiyaŋ satoʔ]	tiang seri
264	[togəɣ]	segar
265	[tomet]	tumit
266	[toŋah aɣi]	tengah hari
267	[toŋah malam]	tengah malam
268	[toɣap]	terap
269	[toɣaŋ]	terang
270	[toŋkoqaq]	tengkuk
271	[tunjukoʔ]	telunjuk
272	[tuʷaʔ]	dewasa
273	[ubən]	uban
274	[ujən]	hujan
275	[ulaɣ]	ular
276	[utaqaq]	otak
277	[woŋet]	nyamuk

Bilangan kosa kata DK yang dikutip hanya 277 sahaja. Bilangan ini hanya membabitkan leksikal yang sama ada lain bentuknya berbanding kosa kata BM, dan juga kosa kata BM yang disebut secara berbeza dalam DK. Senarai di atas juga memperlihatkan penggunaan kosa kata DK dalam beberapa kategori seperti hubungan kekeluargaan, bahagian anggota badan, jenis penyakit, nama-nama haiwan, kejadian alam semula jadi, tumbuh-tumbuhan, dan kata adjektif.

Bagi kategori hubungan kekeluargaan, satu dapatan yang menarik tentang kosa kata DK ialah kecenderungan untuk melanjutkan sebutan leksikal tertentu khususnya dari dua suku kata ke tiga suku kata. Ini berlaku dalam perkataan-perkataan seperti, [adiʲoʔ] (adik), [qaqayo] (kakak), [biniyaʔ] (bini/isteri), [lakiyaʔ] (laki/suami) dan [anaqaʔ] (budak). Perkataan-perkataan yang disebut berlainan bentuk dan sebutannya berbanding BM ialah seperti, [bəpay] (bapa), dan [amay] (ibu saudara). Perkataan 'nenek' turut digunakan dalam DK tetapi tidak bermaksud ibu kepada ayah atau emak, sebaliknya bermaksud 'gajah'. Begitu juga dengan [bəbapə] yang tidak bermaksud 'bapa' sebaliknya merujuk kepada 'katak'.

Sistem panggilan dalam DK amat terhad kepada beberapa perkataan yang telah disebut itu sahaja. Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dilakukan, masyarakat ini tidak banyak menggunakan panggilan-panggilan tertentu sesama mereka. Misalnya tiada gelaran seperti, along, angah, usu dan sebagainya dalam lingkungan keluarga, walaupun terdapat beberapa orang anak dalam keluarga tersebut. Sebaliknya, mereka hanya menggunakan nama masing-masing sebagai sistem panggilan. Gelaran-gelaran yang lain adalah seperti mana yang digunakan dalam BM.

Beberapa kata ganti nama yang digunakan dalam DK juga menampilkan sedikit perbezaan dengan yang biasa digunakan dalam BM. Misalnya untuk kata ganti nama orang pertama, penutur DK menggunakan perkataan [ambə] yang diringkaskan dari perkataan 'hamba', [dikou] untuk kata ganti nama kedua 'awak', [di] untuk kata ganti nama orang ketiga tunggal 'dia', dan [kameka] kata ganti nama orang ketiga jamak 'mereka'. Kesemua kata ganti nama itu digunakan oleh semua golongan, tanpa mengira usia dan hubungan. Dengan perkataan lain, tidak ada usaha untuk memperhaluskan leksikal tertentu tatkala berbual dengan orang yang tua atau dengan orang dari luar kampung sekali pun.

Leksikal bagi kategori bahagian-bahagian anggota badan juga menampilkan beberapa kelainan berbanding BM. Sekali lagi, seperti mana dalam kategori terdahulu, ada perkataan yang dipanjangkan sebutannya seperti, [iduŋa] (hidung), [mataʔaʔ] (mata), [kəpalaʔaʔ] (kepala), [loŋaŋaʔ (lengan), [tumetcaʔ] (tumit) dan [tunjukoʔ] (telunjuk). Namun demikian, akibat pengaruh BM yang begitu menular dalam kalangan penutur natif DK terutama generasi muda, pemanjangan itu semakin tidak popular dan jarang digunakan. Perkataan-perkataan yang berbeza sama sekali ialah seperti, [pujalacaʔ] (dubur), [teteʔ] (ketuat), [boyoŋaʔ] (bahu) dan [komeh] (kencing). Kosa kata BM yang disebut secara berbeza pula ialah seperti, [tətiayakaʔ] (ketiak), [dədə] (dada), [dəguʔ] (dagu), [le] (leher) dan [ubən] (uban). Senarai bahagian anggota badan ini juga agak panjang berbanding senarai kategori yang lain kerana kebanyakan informan yang ditemui dapat menyatakannya secara terang dan masih kerap menggunakannya dalam perbualan sehari-harian.

Bagi kategori jenis-jenis penyakit pula, DK menampilkan perkataan [bisə] untuk maksud 'sakit'. Justeru itu, semua jenis penyakit yang didahului dengan menyebutkan perkataan 'sakit' dan diikuti bahagian anggota badan yang sakit itu, dalam DK akan

didahului oleh kata [bisə]. Contohnya ialah seperti [bisə gigi] (sakit gigi), [bisə dədə] (sakit dada), [bisə atiʔ] (sakit jantung). Hanya terdapat satu sahaja kosa kata DK yang berbeza bentuk dan bunyinya berbanding BM, iaitu [kəkiyon] bermaksud 'terseliuh'.

Dalam kategori haiwan, terdapat beberapa perkataan DK yang berbeza berbanding BM, iaitu [dəgoʔ] bermaksud 'babi', [klokeŋ] (belatuk), [ɲəɣon] (rama-rama) dan [woŋet] (nyamuk). Perkataan-perkataan lain hanya disebut secara berbeza, seperti [agəs] (agas), [boyaʔ] (buaya), [lobəh] (lebah), [ulaɣ] (ular), [cəkoko] (tekukur) dan [kəɣobeʲo] (kerbau). Kajian mendapati bahawa sebagaimana yang ditemui dalam masyarakat DD, masyarakat DK juga tidak akrab dengan alam haiwan darat kerana nenek moyang mereka dahulu adalah penghuni pulau dan pesisir pantai. Justeru mereka jarang terserempak dengan haiwan-haiwan seperti yang terdapat dalam senarai tersebut, tiada kosa kata khusus dalam DK untuk menamakan haiwan-haiwan itu kecuali bagi [dəgoʔ, [klokeŋ], [ɲəɣon] ,dan [woŋet]. Namun demikian, kosa kata yang berkaitan hidupan di air khususnya lautan, telah mula luput daripada ingatan penutur DK kerana mereka telah selama beberapa generasi terpisah dengan lautan. 'Haruan' disebut [ɣuwan], 'puyu' [puyu], 'memerang' [məmbəɣaŋ], 'labi-labi' [ləlabiʔ], 'ikan' [ikan], dan 'baung' [bawoŋ].

Melainkan [tawoŋ] yang bermaksud 'ribut', tiada perkataan lain dalam DK yang berbeza sama sekali dengan BM bagi kategori alam semula jadi dan kejadian alam. Perkataan-perkataan yang lain itu hanya bervariasi dari segi sebutan sahaja. Antaranya ialah [ae] (air), [bətu] (batu), [gəɣanə] (gerhana), [pote] (petir), [lumpu] (lumpur), dan [toɣaŋ] (terang).

Kesemua nama tumbuh-tumbuhan yang terdapat dalam senarai di atas, juga tidak banyak berbeza dengan yang terdapat dalam BM. Sekali lagi yang berbeza hanya cara sebutannya sahaja kerana perkataan-perkataan itu sememangnya dikutip dari kosa kata BM. Tambahan pula dalam kehidupan masyarakat Kanaq di KKS ini, makanan daripada sumber tanam-tanaman bukanlah menu yang biasa bagi mereka. Sayur-sayuran jenis [pucuq] (pucuk) adalah sumber vitamin utama mereka terutama daripada pokok [nibuŋ] (nibung). Selain itu, mereka juga menanam ubi kayu di sekitar rumah mereka supaya [dəwon ubi] (daun ubi) dapat dijadikan sayur. Mereka juga tidak banyak bergantung kepada tumbuh-tumbuhan untuk mengaturkan kehidupan mereka kecuali dalam hal berkaitan pembinaan pondok. Berpandukan senarai yang sama itu, hanya 'rumbia' sahaja yang mempunyai bentuk padanan yang berbeza sama sekali dalam DK. Perkataan itu disebut [musaʔ]. Tumbuhan jenis palma ini yang tumbuh dengan banyak di sekitar petempatan nenek moyang mereka dahulu, ternyata mempunyai nama yang khusus mengikut DK. Sehingga kini pun, dalam kerja pembinaan pondok jualan di luar dusun mereka di Lebak Mincin, daun [musaʔ] masih menjadi bahan utama khusus untuk dijadikan atap dan dinding. Malahan sebelum rumah-rumah Program Perumahan Rakat Termiskin (PPRT) yang ada kini dibina, mereka sangat bergantung kepada tumbuhan ini untuk dibuat rumah kediaman.

Kebanyakan kata adjektif DK juga hanyalah berupa variasi bunyi berbanding sebutannya dalam BM. Daripada senarai tersebut, hanya [ŋelay] (ketawa) dan [togəɣ] (segar) sahaja yang terpesong dari bunyi BM. Perkataan-perkataan lain seperti [jəwoh] (jauh), [kolat] (kelat), [sojoq] (sejuk), [layuʔ] (layu), dan [moleq] (cantik/molek), didapati berbeza sedikit sahaja dari segi sebutan.

Senarai yang dipaparkan di atas juga memasukkan perkataan-perkataan yang homonim dengan perkataan BM tetapi membawa maksud yang lain. Antara perkataan yang dimaksudkan ialah seperti yang berikut:

Jadual 2 Hominim BM dan DK

Perkataan	Makna BM	Makna DK
tetek	buah dada	ketuat
tikam	perbuatan menusuk dengan benda tajam	buang
pulas	putar/pintal/pusing	buah pulasan
lompat	perbuatan bergerak cepat dengan mengangkat kedua- dua kaki ke atas atau ke depan	lari
koyok	sejenis ubat yang ditempelkan pada kulit untuk menyembuhkan penyakit bisul/anjing liar	anjing peliharaan
di	kata sendi nama tempat/awalan kata kerja pasif/kependekan adi	dia
boyak	badan gemuk dan perut buncit	buaya
akal	budi/fikiran	akar
nenek	ibu kepada ayah dan emak	gajah
bedak	wangian diperbuat dalam bentuk tepung	badak

Kesemua perkataan DK itu digunakan secara meluas dalam kalangan penduduk KSS. Lantaran mereka tidak begitu bergaul dengan masyarakat luar, tiada pengaruh bahasa lain selain BM dalam DK. Kata-kata BM digunakan bagi memastikan komunikasi berlaku tetapi jumlahnya tidak begitu banyak. Pada pemerhatian pengkaji, hal inilah yang menjadikan penduduk KSS tidak banyak bercakap sesama mereka dan seboleh-bolehnya mengelakkan diri daripada berbual dengan orang luar. Kecuali beberapa orang seperti Tok Batin dan seorang wanita warga emas yang berkemahiran sebagai tukang urut yang banyak berurusan dengan pihak luar, penduduk yang lain lebih suka berbisik-bisik sesama sendiri dan duduk berhimpit-himpitan apabila pengkaji mendekati mereka untuk diajak berbual. Selain itu mereka hanya sekadar mengangguk atau menggeleng kepala apabila dikemukakan pertanyaan. Satu respons yang biasa kedengaran ialah [saməʔ jugəʔ].

Selain itu mereka juga kerap mengulangi sebutan sesuatu perkataan dan ayat. Lihat contoh rakaman perbualan yang berikut.

[potaŋ potaŋ ambə dudoq daɣipadə məɣati anaq ambə tu]

(petang-petang saya duduk daripada memerhati anak-anak saya tu)
[adə bəmaen bəmaen dəpan dəpan ɣumah ambə tu jugə ambə pəɣati ambə neŋoʔ]
(ada bermain-main di hadapan rumah saya tu juga saya perhati saya tengok)
[malam tu ambə baɣu ambə taʔ bəɣənti ambə neŋoʔ]
(malam tu saya baru saya tidak berhenti saya tengok)
[susah jugə takot malam malam takot]
(susah juga takut malam-malam takut)

Secara amnya penutur DK bertutur dengan agak pantas dan ini membantu mereka menjelaskan kata-kata dan ayat yang dilafazkan supaya difahami oleh orang yang dilawan bertutur. Cuma dalam kalangan penutur yang agak tua sahaja yang bertutur lambat sedikit.

Ciri fonetik DK di KSS

a. Fonem Vokal DK

Jika vokal BM terdiri daripada 6 fonem kesemuanya, iaitu [i], [e], [a], [ə], [u] dan [o], dalam DK juga terdapat kesemua vokal itu dan tambahan satu lagi fonem vokal separuh terbuka belakang iaitu vokal [ɔ].Vokal-vokal DK ini tersebar seperti dalam rajah yang berikut:

Jadual 3 Rajah Vokal

	Depan	Tengah	Belakang
Tertutup	i		u
Separuh tertutup	e	ə	o
Separuh terbuka			ɔ
Terbuka	a		

Tidak semua vokal ini wujud di semua posisi awal, tengah dan akhir perkataan. Vokal-vokal yang terdapat di semua posisi awal, tengah dan akhir sebelum kesenyapan perkataan DK ialah [i], [e], [ə], [u] dan [o]. Vokal [a] hanya hadir di awal dan tengah perkataan. Bagi perkataan-perkataan yang berakhir dengan [a], terdapat dua variasi bunyi, iaitu berubah menjadi [ə] misalnya [betina] menjadi [bətinə] dan [dada] menjadi [dədə] atau diakhiri oleh [ʔ] misalnya perkataan [mata] menjadi [mataʔ] dan [aŋsa] menjadi [aŋsaʔ]. Vokal [ɔ] pula hanya hadir di tengah perkataan khususnya sebagai vokal dalam suku kata pertama terbuka. Jadual 1 yang berikut memperlihatkan kehadiran fonem-fonem vokal dalam perkataan-perkataan DK.

Jadual 4 Kehadiran Fonem Vokal DK

Vokal	Awal (DK = BM)	Tengah (DK = BM)	Akhir (DK = BM)
[i]	[ipaɣ]=ipar [ikaʔ]=ini	[sikuwaʔ]=siku [bisə]=sakit	[jəɣi]=jari [bəli]=bəli
[e]	[esoʔ]=esok [eko]=ekur	[loqeq]=lokek [manes]=manis	[aʲe]=air [kome]=kencing
[a]	[ambəʔ]=saya [aŋsaʔ]=angsa	[qaqayo]=kakak [mamaʔ]=pakcik	X
[ə]	[əmpədu^{w}aʔ]=hempedu [əmpat]=empat	[ubən]=uban [təmələoʔ]=tembolok	[bətinə]=betina [dədə]=dada
[u]	[ulaɣ]=ular [uʏaŋ]=orang	[dəguʔ]=dagu [gusi]=gusi	[səmələu]=semalu [ladu]=lada
[o]	[omaʔ]=emak [oɣoŋ]=mari	[busot]=busut [mosem]=musim	[ɲo]=kelapa [neneŋo]=moyang lelaki
[ɔ]	X	[pɔgi]=pergi [pɔqaq]=pekak	X

Satu lagi ciri vokal DK, bagi perkataan-perkataan BM yang suku kata akhirnya melibatkan pola KVK yang mana V diwakili oleh vokal [i] dan [u], dan K yang terakhir itu ialah konsonan getaran [r] sebelum kesenyapan, bunyi [r] akan disenyapkan. Jika konsonan [r] itu didahului oleh vokal [i], vokal ini akan disejajarkan dengan vokal [e] dan jika didahului oleh vokal [u] akan disejajarkan dengan vokal [o]. Lihat contoh-contoh yang berikut:

Jadual 5 Kesenyapan [r]

BM	DK
banjir	[banje]
petir	[pɔte]
dapur	[dapo]
telur	[təlo]
pəlantar	[pəlanta]
lapar	[lapa]

Selain itu terdapat kecenderungan dalam kalangan penutur DK untuk mensejajarkan vokal [i] di akhir kata dengan rangkap vokal [ia] campur [ʔ]. Misalnya, perkataan [kaki] menjadi [kakiʲaʔ], [gusi] menjadi [gusiʲaʔ] dan [hati] menjadi [hatiʲaʔ]. Bagaimanapun kewujudannya hanya tertumpu dalam kalangan penutur warga tua terutama wanita.

b. Diftong DK

Dalam BM terdapat tiga diftong, iaitu [ay], [oy] dan [aw]. Bagi [ay] dan [oy] BK mengekalkan bunyi yang sama dengan BM. Misalnya dalam perkataan BM 'sungai' masih dikekalkan dengan sebutan [suŋay] dalam DK. Perkataan yang menggunakan diftong [oy] pula kekal dengan bunyi yang sama dalam DK seperti perkataan [tampoy]. Kesejajaran hanya berlaku bagi diftong BM [aw] yang berubah menjadi rangkap vokal [ou] dalam DK. Contohnya dalam perkataan 'hijau' dalam BM menjadi [hijou], manakala perkataan 'dikau' menjadi [dikou].

c. Rangkap vokal

Seperti BM, DK juga turut memiliki ciri-ciri fonem rangkap vokal yang tersendiri. Rangkap-rangkap itu ialah [ae], [io], [ua], [ia], [ao], [ou] dan [əo]. Rangkap vokal [əo] adalah ciri khusus DK kerana tidak ditemui dalam BM [əo] disejajarkan dengan rangkap vokal [au]. Contoh-contoh kehadiran rangkap vokal dalam DK ialah seperti yang berikut:

Jadual 6 Rangkap Vokal

Rangkap vokal DK	DK = BM
[ae]	[aʲe]=air
	[baʲeʔ]=baik
[io]	[liʲo]=liur
[ua]	[buʷah]=buah
	[kəluʷaŋ]=keluang
[ia]	[bəʲawaʔ]=biawak
	[liʲaŋ]=lubang
[ao]	[taʷon]=tahun
	[saʷoh]=sauh
[ou]	[hijou]=hijau
	[dikou]=dikau
[əo]	[dəʷon]=daun
	[jəʷoh]=jauh

d. Fonem Konsonan DK

Konsonan DK lebih kecil sedikit jumlahnya berbanding BM. Kesemuanya hanya terdapat 20 fonem asli, iaitu [b], [p], [d], [t], [g], [k], [ʔ], [q], [m], [n], [ɲ], [ŋ], [s], [ɣ], [h], [c], [j], [l], [w] dan [y].

Jadual 7 Rajah Konsonan

Cara/daerah sebutan	Bibir	Gusi	Gusi-lelangit keras	Lelangit keras	Lelangit lembut	Hentian Glotis
Plosif bersuara	b	d			g	q
Plosif tak bersuara	p	t			k	ʔ
Afrikat bersuara				j		

Afrikat tak bersuara				c			
Nasal	m	n		ɲ	ŋ		
Frikatif bersuara					ɣ		
Frikatif tak bersuara			s			h	
Getaran							
Lateral		l					
Separuh vokal	w		y				

i. Sebaran Konsonan Plosif

Konsonan plosif terbahagi kepada dua bentuk, iaitu bersuara dan tidak bersuara. Konsonan plosif bersuara dalam DK terdiri daripada [b], [d], [g] dan [q]. Hanya konsonan [q] sahaja yang hadir di semua posisi, awal, tengah dan akhir perkataan. Pada tempat-tempat itu [q] disejajarkan dengan bunyi [k] dalam BM. Konsonan-konsonan [b], [d] dan [g] hanya hadir sebelum vokal di awal kata dan di antara vokal di tengah kata. Lihat contoh-contoh yang berikut:

Jadual 8 Sebaran Konsonan Plosif Bersuara

Konsonan	**Awal (DK = BM)**	**Tengah (DK = BM)**	**Akhir (DK = BM)**
[b]	[bəʲawaʔ]=biawak [buɣuq]=buruk	[kombaŋ]=kemban g [lobəh]=lebah	X
[d]	[dəkiʲaʔ]=daki [dədə]=dada	[kodes]=kudis [podih]=sedih	X
[g]	[gəmoq]=gemuk [gədoq]=babi hutan	[togəɣ]=segar [pagi]=pagi	X
[q]	[qaqayo]=kakak	[toŋkoqaq]=tengkuk [pɔqaq]=pekak	[buɣuq]=buruk [kayaq]=kaya

Konsonan-konsonan plosif tak bersuara DK pula terdiri daripada [p], [t], [k] dan [ʔ]. Kesemua konsonan ini hadir di bahagian awal, tengah dan akhir kata DK kecuali [ʔ] yang hanya hadir di tengah dan akhir. Namun, jika suku kata akhir didahului konsonan [k] seperti dalam perkataan ‘pekak’, bunyinya akan menjadi [pɔqaq] dalam DK; iaitu dengan bunyi plosif tak bersuara [k] berubah menjadi plosif bersuara [q] (lihat contoh di Jadual 8 di atas). Ini bermakna konsonan [k] yang muncul sebelum V dalam struktur suku kata akhir KVK akan disejajarkan dengan konsonan [q] dalam DK. Apabila ini berlaku, konsonan [k] yang muncul selepas V akan juga disejajarkan dengan [q]. Bagi bentuk yang lain daripada itu, tidak berlaku fenomena tersebut. Lihat contoh-contoh yang berikut:

Jadual 9 Sebaran Konsonan Plosif Tak Bersuara

Konsonan	Awal (DK = BM)	Tengah (DK = BM)	Akhir (DK = BM)
[p]	[paquk]=paku [paya]=paya	[ɲumpet]=sumpit [sempol]=[simpul	[idop]=hidup [cakap]=cakap
[t]	[ta^{w}on]=tahun [tu^{w}aʔ]=tua	[məntu^{w}aʔ]=mentua [bətinə]=betina	[aŋat]=suam [dəkət]=dekat
[k]	[kame]=kami [kulet]=kulit	[cəkoko]=tekukur [siŋkat]=singkat	[itik]=itik [puŋuk]=pungguk
[ʔ]	X	[kəpalaʔaʔ]=kepala [sumaʔaʔ]=selsema	[lakiyoʔ]=lelaki [ɣusuʔ]=rusuk

ii. Sebaran Konsonan Nasal

Konsonan nasal DK terdiri daripada [m], [n], [ɲ] dan [ŋ]. Kesemuanya didapati hadir di awal kata sebelum vokal dan di tengah kata, iaitu antara vokal. Pada akhir kata pula hanya konsonan [m], [n] dan [ŋ] sahaja yang ditemui dalam kata-kata DK.

Jadual 10 Sebaran Konsonan Nasal

Konsonan	Awal (DK = BM)	Tengah (DK = BM)	Akhir (DK = BM)
[m]	[muka]=muka [musaʔ]=kutu tanah	[təmoloʔ]=tekak [ɣimou]= harimau	[malam]=malam [gəɣam]=geram
[n]	[neneŋ]=datuk [napasaq]=nafas	[minom]=minum [poneŋ]=pening	[peŋsan]=pengsan [aŋen]=angin
[ɲ]	[ɲumpet]=sumpit [ɲoɲoʔ]=menyusu	[pəɲəŋat]=penyengat [miɲaqaq]=minyak	X
[ŋ]	[ŋiɣesan]=menghiris [ŋilay]=ketawa	[pəŋawot]=timba [suŋay]=sungai	[potaŋ] = petang [bənaŋ]=menang

iii. Sebaran Konsonan Frikatif

Konsonan frikatif DK sama seperti BM, iaitu terdiri daripada tiga fonem [s], [ɣ] dan [h]. Kesemuanya dapat ditemui di semua posisi kata; awal, tengah dan akhir. Walau bagaimanapun, hanya konsonan [s] yang jelas bunyinya di semua posisi berbanding konsonan [h] dan [ɣ]. Konsonan [h] selalu disenyapkan jika muncul di awal kata mendahului vokal. Misalnya tatkala rakaman dibuat, informan cenderung membetulkan sebutannya dengan membunyikan dengan jelas konsonan tersebut dalam perkataan

yang berkaitan. Kesenyapan itu berlaku kerana kelajuan pertuturan penutur DK. Apabila diminta mengulang perkataan berkenaan konsonan [h] akan jelas kedengaran.

Bagi konsonan [ɣ] pula, kehadirannya di semua posisi disejajarkan dengan fonem [r]. Ini biasa berlaku dalam pertuturan lisan BM dalam kalangan penutur normal, malah sering juga ditemui dalam kalangan penutur yang tidak normal yang menggantikan [r] dengan [ɣ]. Keunikan kehadiran konsonan ini dalam DK ialah bahawa jika konsonan [r] hadir dihujung kata pun, konsonan ini tetap disejarkan dengan konsonan [ɣ]. Hal ini tidak berlaku dalam BM kerana hanya [r] di awal dan tengah kata sahaja yang disejajarkan dengan konsonan [ɣ]. Lihat contoh-contoh yang berikut:

Jadual 11 Sebaran Konsonan Frikatif

Konsonan	Awal (DK = BM)	Tengah (DK = BM)	Akhir (DK = BM)
[s]	[sonjə]=senja [sələt]=selut	[masen]=masin [ɣisaw]=risau	[kabos]=kabus [podəs]=pedas
[ɣ]	[ɣambut]=rambut [ɣabun]=rabun	[dəɣah]=darah [səɣinit]=serindit	[ulaɣ]=ular [bəsəɣ]=besar
[h]	[haɣiʔ]=hari [hutan]=hutan	[pahaʔ]=paha [ɣahaŋ]=rahang	[jəʷoh]=jauh [lolah]=lelah

iv. Sebaran Konsonan Afrikat

Seperti BM, konsonan afrikat DK terdiri daripada dua konsonan, iaitu [c] dan [j]. Kedua-duanya hanya hadir di awal kata sebelum vokal dan di tengah kata antara dua vokal. Tiada [c] dan [j] di akhir kata sebelum kesenyapan. Sebaran kedua-dua konsonan ini dapat dilihat dalam contoh-contoh yang berikut:

Jadual 12 Sebaran Konsonan Afrikat

Konsonan	Awal (DK = BM)	Tengah (DK = BM)	Akhir (DK = BM)
[c]	[ceɣet]=cirit [caceŋ]=cacing	[pujalacaʔ]=dubur [pucoʔ]=pucuk	X
[j]	[jəlutoŋ]=jelutung [jantan]=jantan	[tunjuqoq]=telunjuk [kəɣenjaŋ]=nipis	X

v. Sebaran Konsonan Lateral

Konsonan lateral DK hanya satu, iaitu [l]. Konsonan ini hadir pada semua posisi, awal, tengah dan akhir kata seperti contoh yang berikut:

Jadual 13 Sebaran Konsonan Lateral

Konsonan	Awal (DK = BM)	Tengah (DK = BM)	Akhir (DK = BM)
[l]	[lentah]=lintah [loɣos]=lurus	[koli]=keli [milaŋ]=kira	[kesel]=kutu babi [bəntal]=bantal

vi. Sebaran Konsonan Separuh Vokal

Ada dua konsonan separuh vokal dalam DK, iaitu [w] dan [y]. Kedua-duanya ditemui dalam lingkungan awal dan tengah kata sahaja.

Jadual 14 Sebaran Konsonan Separuh Vokal

Konsonan	Awal (DK = BM)	Tengah (DK = BM)	Akhir (DK = BM)
[w]	[woŋet]=nyamuk	[bəʲawaʔ]=biawak [kuwalə]=kuala	[ɣimaw]=harimau [ɣisaw]=risau
[y]	X	[moyaŋo]=moyang [tətiyaqaq]=ketiak	[tupay]=tupai [suŋay]=sungai

Kesimpulan

Dengan hakikat bahawa di petempatan inilah sahaja terdapatnya orang Kanaq, dan dengan jumlah seramai 82 orang itu sahaja yang masih tinggal, masa hadapan ciri sosiobudaya suku kaum ini amat meragukan terutama dari segi aspek dialeknya. Jika tidak pupus keseluruhannya pun, sekurang-kurangnya bilangan sebanyak itu tidak akan mampu bertahan lama lagi dengan ciri-ciri jati diri mereka khususnya dialek ibunda mereka. Buat masa kini golongan tua yang masih hidup dapat melestarikannya, tetapi generasi pewaris mereka tidak dapat menjamin DK akan berkembang lagi. Segala-galanya bergantung kepada faktor sikap mereka terhadap dialek ibunda, di samping faktor-faktor luaran yang semakin menghimpit kehidupan mereka terutama dalam soal tuntutan ekonomi dan sosial. Walaupun perubahan agak perlahan dalam lingkungan orang Kanaq, namun budaya mereka tidak dapat mengelakkan pertembungan dan pergeseran dengan budaya dominan. Pada peringkat ini, hukum alam sekali lagi berlaku dengan memperlihatkan budaya dominan menguasai budaya minoriti. Paparan inventori leksikal DK yang masih difahami generasi muda penutur natifnya, menunjukkan BM lebih menguasai. Cuma orang Kanaq mengujarkannya dengan agak pantas sehingga seolah-olah berbeza dengan kosa kata BM. Sudah tentulah penelitian yang lebih tuntas perlu dilaksanakan supaya dokumentasi DK lebih lengkap lagi. Jika tidak pun untuk membantu perkembangannya, sekurang-kurangnya DK bolehlah diarkibkan.

RUJUKAN

Carey, I. 1970. Some Notes on the Sea Nomads of Johore. Dlm. *Federation Museum Journal Vol. XV*. hlm. 181-184.

_____. 1975. *Orang Asli. The Aboriginal Tribes of Peninsula Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

JHEOA Johor. 2004. Laporan Maklumat Asas Kampung.

JHEOA Malaysia. 1990. Bancian JHEOA.

Omar Abdul. 1978. *The Orang Kanaq of Southeastern Johor: A Preliminary Ethnography*. Provinsional Research Report. Universiti Sains Malaysia.

Sopher, D. E. 1965. *The Sea Nomads*. Kuala Lumpur: National Museum.

Williams-Hunt, P.D.R. 1952. *An Introduction to Malayan Aborigines*. Kuala Lumpur: Government Press.